

B B698 AAB

U L A N G A N DENGAN PEMBETULAN PARA SATU
PERNYATAAN - KAMPUCHEA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 12 TENGAH MALAM INI, 5 OGOS)

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

(I)

LENINGRAD, 5 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PEMIMPIN SOVIET UNION BAHAWA PENYELESAIAN POLITIK YANG KOMPREHENSIF TERHADAP MASALAH KAMPUCHEA HENDAKLAH BERDASARKAN PENGUNDURAN SEPENUHNYA TENTERA ASING DAN KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN WILAYAH NEGARA INDOCHINA ITU.

IA JUGA HENDAKLAH BERLANDASKAN PENCAPAIAN PERDAMAIAN NASIONAL DAN PENENTUAN MASA DEPAN SENDIRI OLEH RAKYAT KAMPUCHEA DI BAWAH PENGAWASAN BANGSA-BANGSA BERSATU.

DI SAMPING ITU, IA PERLU BERDASARKAN PENERIMAAN KAMPUCHEA YANG BERKECUALI.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN PENDIRIAN INI KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PARTI KOMUNIS SOVIET (CPSU) MIKHAIL GORBACHEV DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN SOVIET YANG LAIN DI KREMLIN SEMASA LAWATAN SEMINGGU BELIAU KE SOVIET UNION YANG BERAKHIR HARI INI.

PERNYATAAN BERSAMA SETEBAL 16 MUKA YANG DIKELUARKAN HARI INI BAGAIMANA PUN TIDAK MENYATAKAN DENGAN JELAS REAKSI SOVIET TERHADAP PENDIRIAN MALAYSIA YANG JUGA PENDIRIAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN YANG LAIN -- INDONESIA, FILIPINA, THAILAND, SINGAPURA DAN BRUNEI DARUSSALAM.

PERNYATAAN ITU HANYA BERKATA: +BAGI PIHAKNYA, SOVIET MENARIK PERHATIAN KEPADA SARANAN-SARANAN YANG RELEVAN YANG DIUTARAKAN OLEH NEGARA-NEGARA INDOCHINA YANG MENDAPAT SOKONGAN PENUH DARIPADA PIHAK SOVIET UNION.+

DALAM RUNDINGANNYA DENGAN PARA PEMIMPIN SOVIET, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN SEMULA RAYUAN BERSAMA ASEAN BAGI KEMERDEKAAN KAMPUCHEA YANG DIKELUARKAN DI NEW YORK PADA 21 SEPT. 1983. -- LAGI 1814MST 05 08 87

B B674 AAB

PERNYATAAN - KAMPUCHEA 2 LENINGRAD (EMBARGO)

MENURUT PERNYATAAN ITU, KEDUA-DUA PIHAK MALAYSIA DAN SOVIET SEPENDAPAT BAHAWA MASALAH KAMPUCHEA PERLU DISELESAIKAN SECARA POLITIK MENERUSI RUNDINGAN (YANG PADA ASASNYA MERUPAKAN APA YANG DISYORKAN OLEH ASEAN).

PERNYATAAN ITU BERKATA KEDUA-DUA PIHAK MENEKANKAN PERLUNYA DICARI SATU PENYELESAIAN YANG MENGAMBILKIRA KEPENTINGAN SEMUA PIHAK YANG BERSANGKUTAN.

+PIHAK SOVIET MENEGASKAN KESEDIAANNYA UNTUK TERUS MENYUMBANG DENGAN SEDAYA UPAYA TERHADAP PENYELESAIAN MASALAH KAMPUCHEA BERSAMA-SAMA DENGAN SEMUA PIHAK TERBABIT DAN MENJAMIN BERSAMA-SAMA ANGGOTA TETAP MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG LAIN, PERSETUJUAN YANG DITERIMA BERSAMA,+ KATA PERNYATAAN ITU.

PERDANA MENTERI MALAYSIA, MENURUT PERNYATAAN ITU, MENYATAKAN PENGHARGAANNYA KEPADA SOVIET UNION DI ATAS KESEDIAANNYA UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG KONSTRUKTIF ITU.

MINGGU LEPAS, SEBAIK SAHAJA SELEPAS MENEMUI GORBACHEV, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PARA WARTAWAN MALAYSIA BAHAWA BELIAU MEMPEROLEHI DARIPADA RUNDINGAN YANG DIADAKAN +BEBERAPA TANDA YANG BERMANFAAT+ YANG PASTI AKAN DISAMPAIKANNYA KEPADA KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN YANG LAIN PADA SIDANG KEMUNCIAK DI MANILA Hujung TAHUN INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENYIFATKAN GORBACHEV SEBAGAI +SEORANG YANG SENANG UNTUK BERUNDING+ SERTA +SERIUS+ DALAM PERBINCANGANNYA, BAGAIMANA PUN MENINGGATKAN BAHAWA RUNDINGANNYA MENGENAI KAMPUCHEA DENGAN PEMIMPIN SOVIET ITU DIJALANKAN SECARA UMUM SAHAJA. -- LAGI

1628MST 05 08 87

0823

B B675 AAB
PERNYATAAN - KAMPUCHEA 3 LENINGRAD (EMBARGO)

SELAIN MASALAH KAMPUCHEA, PERNYATAAN ITU JUGA MELIPUTI PERSEPSI KEDUA-DUA PIHAK TERHADAP MASALAH AFGHANISTAN DAN ISU-ISU ANTARABANGSA YANG LAIN TERMASUK TERMASUK PENINGKATAN PERLUMBAAN SENJATA NUKLEAR DAN KONVENSYENAL, KEADAAN DI AFRIKA SELATAN, PEPERANGAN IRAN-IRAQ, SARANAN PENGWUJUDAN ZON AMAN DI LAUTAN HINDI, PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN MASALAH NAJIS DADAH.

MENYENTUH SOAL AFGHANISTAN, KEDUA-DUA PIHAK MENYOKONG USAHA-USAHA SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU KE ARAH Mencari penyelesaian politik yang menyeluruh menerusi rundingan di Geneva dan berharap satu persetujuan yang dapat diterima akan tercapai.

KEDUA-DUA PIHAK JUGA MENYOKONG KETETAPAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENGADAKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI LAUTAN HINDI DI COLOMBO TIDAK LEWAT DARIPADA 1988.

MENGENAI AFRIKA SELATAN, KEDUA-DUA PIHAK MENYATAKAN KEBIMBANGAN TERHADAP KEADAAN TEGANG DI RANTAU ITU.

KEDUA-DUA PIHAK MENEGASKAN PANDANGAN BERSAMA BAHAWA PENYELESAIAN KONFLIK DI RANTAU ITU MEMERLUKAN PENGHAPUSAN PUNCA-PUNCA SEBENAR, SEPERTI SISTEM KEJI DAN TIDAK BERPERI KEMANUSIAAN APARTHEID DI AFRIKA SELATAN DAN PENDUDUKAN NAMIBIA OLEH REJIM MINORITI KULIT PUTIH PRETORIA. -- LAGI

1630MST 05.08 87

B B676 AAB
PERNYATAAN - KAMPUCHEA 4 LENINGRAD (EMBARGO)

MENGENAI PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, KEDUA-DUA PIHAK MENGAMBIL PERHATIAN TERHADAP SUMBANGAN PERGERAKAN ITU KE ARAH MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH POKOK ANTARABANGSA TERMASUK PERLUCUTAN SENJATA, PENYELESAIAN SENGKETA SERANTAU DAN PENGWUJUDAN SATU SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA.

MENYENTUH TENTANG NAJIS DADAH PULA, KEDUA-DUA MALAYSIA DAN SOVIET UNION MENYATAKAN KEAZAMAN MEREKA UNTUK BERUSAHA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA MEMBANTERAS GEJALA PENAGIHAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH.

MENGENAI PERLUMBAAN SENJATA, PERNYATAAN ITU BERKATA KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU BAHAWA SEMUA NEGARA, TIDAK KIRA SAIZ ATAU SISTEM SOSIO-EKONOMINYA, HENDAKLAH MENYEDARI TANGGUNGJAWAB TERHADAP UMAT MANUSIA SELURUHNYA DAN DENGAN ITU MENYERTAI USAHA-USAHA UNTUK MENCEGAH PEPERANGAN NUKLEAR, MENGHAPUSKAN PERLUMBAAN SENJATA DAN MENGGALAKKAN PERLUCUTAN SENJATA.

TEKANAN DIBERI KEPADA PENTINGNYA SYOR-SYOR MENYELURUH SOVIET UNION UNTUK MENGHAPUSKAN PELURU-PELURU BERPANDU JARAK SEDERHANA DAN OPERASIONAL-TAKTIKAL SOVIET DAN AMERIKA SYARIKAT DI EROPAH DAN ASIA. -- BERNAMA

1633MST 05 08 87